

ULASAN DANA

Pada bulan Februari 2025, dana mencatat pulangan berjumlah -2.97% berbanding pulangan penanda aras berjumlah -0.47%.

CIRI-CIRI DANA

Objektif Pelaburan

Dana ini direka untuk memberikan prestasi melalui pelaburan dalam syarikat yang aktivitiinya dikaitkan dengan tema pelaburan mampan dalam tempoh jangka sederhana hingga panjang.

Strategi Pelaburan

Dana ini akan melabur sekurang-kurangnya 95% dalam dana Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) ekuiti global yang diluluskan dan selebihnya dalam tunai dan deposit tetap. Dana sasaran dipilih oleh pengurus dana daripada panel dana ESG ekuiti global yang diluluskan seperti berikut:

- i) JPM Global Sustainable Equity Fund
- ii) Mirova Global Sustainable Equity Fund

Setiap tahun pada tarikh pemerhatian, dana sasaran pendasar terbaik akan dipilih berdasarkan purata prestasi dana 3 tahun berterusan. Hanya satu dana sasaran akan dilaburkan pada bila-bila masa.

Pasaran Sasaran


Dana ini disasarkan kepada individu yang mempunyai keinginan untuk strategi pelaburan yang berisiko lebih tinggi, daripada pendedahan kepada turun naik ekuiti global dan pergerakan dalam kadar pertukaran asing, dan juga bagi mereka yang ingin melabur dalam syarikat yang menunjukkan amalan mampan merentas parameter Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), dengan kemungkinan pulangan yang lebih tinggi dalam tempoh jangka sederhana hingga panjang.

Penanda Aras

MSCI ACWI Index : Bloomberg.com

PRESTASI DANA

Prestasi Nilai Aset Bersih dalam denominasi Ringgit Malaysia



Sumber: Etiqa Life Insurance Berhad


Sejarah Prestasi Dana dalam denominasi Ringgit Malaysia (dalam %)

%	1 bulan	Tahun Hingga Kini	1 tahun	3 tahun	5 tahun	Sejak permulaan	Ditahunkan Sejak Permulaan
Dana	-2.97	0.75	1.82	n/a	n/a	34.10	10.91
Penanda Aras	-0.47	3.77	8.29	n/a	n/a	36.74	11.68
Perbezaan	-2.50	-3.02	-6.47	n/a	n/a	-2.64	-0.76

Sumber: Etiqa Life Insurance Berhad


DANA SASARAN TERPILIH (JPM Global Sustainable Equity Fund)

Peruntukan Aset-aset mengikut Wilayah Geografi (%)



Sumber: JPM Global Sustainable Equity Fund, Helaian Fakta Dana pada 28 Feb 2025

Prestasi Dana dalam denominasi Dolar A.S (dalam %)



Sumber: JPM Global Sustainable Equity Fund, Helaian Fakta Dana pada 28 Feb 2025

BUTIRAN DANA

Tarikh Permulaan	27 Mei 2022
Mata Wang Dana	Ringgit Malaysia
Pengurus Dana	Etiqa Life Insurance Berhad
Saiz Dana	RM300.27 juta
Nilai Aset Bersih (NAB) seunit	RM1.34
Fi Pengurusan Dana	1.00 % setahun daripada NAB
Ticker Bloomberg	ETQPGSE MK Equity
Tahap Risiko Keseluruhan	5 (1=Risiko Rendah hingga 5=Risiko Tinggi)
Asas Penilaian Unit	Harga unit ditentukan setiap hari berdasarkan nilai aset yang mendasari dana, selepas menolak perbelanjaan, dibahagikan dengan jumlah bilangan unit dalam dana tersebut.
Kekerapan Penilaian Unit	Setiap Hari
Caj-caj Lain, jika ada	Yuran dan perbelanjaan pengurus dana sasaran akan ditolak sebelum nilai pemegangan kami dalam dana sasaran di samping yuran pengurusan dana di atas.
Patuh Syariah	Tidak

NILAI ASET BERSIH TERTINGGI DAN TERENDAH SEUNIT (DALAM RM)

Tahun	Tinggi (RM)	Rendah (RM)
2025 (YTD)	1.39	1.33
2024	1.41	1.19
2023	1.21	0.97
2022	1.05	0.94

BUTIRAN DANA

Nama Dana	JPM Global Sustainable Equity Fund
Pengurus Dana	J.P. Morgan Asset Management
Fi Pengurusan Dana	Sehingga 1.50% setahun
Tarikh Permulaan	29 September 2015
Mata Wang Dana	USD
Saiz Dana (juta)	USD 645.30 juta
NAB seunit	USD 328.16
Penilaian	Setiap Hari

5 PEGANGAN TERATAS

- 1) AMAZON.COM
- 2) MICROSOFT
- 3) NVIDIA
- 4) MASTERCARD
- 5) LONDON STOCK EXCHANGE

Sumber: JPM Global Sustainable Equity Fund, Helaian Fakta Dana pada 28 Feb 2025

Nota: Pegangan pada 28 Feb 2025

Keadaan Luar Biasa

- Dalam keadaan luar biasa, kami berhak untuk menggantung pembentukan atau pembatalan unit. Dalam keadaan sedemikian, notis penggantungan akan disiarkan di laman web kami, dan akan diberitahu kepada pemilik polisi atas apa-apa permintaan untuk tambah nilai, pertukaran, atau pengeluaran kepada atau daripada dana.
- Pada bila-bila masa, kami mempunyai hak untuk menutup mana-mana dana, atau untuk memindahkan pelaburan kepada dana baharu, tertakluk kepada kelulusan terlebih dahulu oleh pengawal selia. Dalam keadaan sedemikian, kami akan memberikan notis bertulis 90 hari terlebih dahulu.

PENDEDAHAN RISIKO

Pemilik polisi harus mempertimbangkan potensi risiko berikut apabila melabur dalam dana. Pelabur harus sedar bahawa dengan melabur dalam dana, tiada jaminan pulangan. Tiada jaminan bahawa pelabur akan menikmati kenaikan modal atau tidak akan mengalami kehilangan modal yang dilaburkan dalam dana.

- 1 **Risiko Pasaran** - Risiko kerugian dalam nilai aset yang dilaburkan oleh dana, disebabkan oleh faktor-faktor yang memberi kesan kepada prestasi keseluruhan pasaran kewangan. Faktor-faktor ini disebabkan oleh keadaan semasa atau tinjauan masa hadapan, dan boleh melibatkan kedua-dua tempatan dan asing. Faktor-faktor ini boleh merangkumi ekonomi, politik, kadar hasil bon kerajaan, serakan kredit ke atas bon korporat, penarafan kredit negara, tahap pasaran saham, kadar pertukaran asing, dan harga komoditi. Pengurus pelaburan dana menilai risiko pasaran dengan memilih aset sasaran dan menetapkan setiap komposisi dana. Pemilik polisi boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko pasaran dengan memilih dana yang mempunyai kadar aset berbentuk tunai yang lebih tinggi.
- 2 **Risiko Kredit dan Kemungkiran** - Risiko kerugian dalam nilai dana yang dilaburkan dalam tunai, bon atau hutang, disebabkan oleh faktor-faktor penangguhan atau penyusunan semula pembayaran berjadual daripada pihak berurusan ke atas pelaburan yang mendasarinya. Faktor-faktor ini boleh merangkumi kebangkrapan pihak berurusan. Pengurus pelaburan dana menilai risiko kredit dan kemungkiran dengan memilih aset sasaran dan menetapkan setiap komposisi dana. Pemilik polisi boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko kredit dengan memilih dana dengan pendedahan yang lebih rendah kepada bank-bank atau penerbit-penerbit dengan risiko kredit yang lebih tinggi.
- 3 **Risiko Kecairan** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh faktor-faktor yang menghalang penjualan suatu aset dana dengan segera. Faktor-faktor ini boleh merangkumi kekurangan pembeli dalam pasaran, atau ketersediaan kecairan kepada pembeli. Pengurus pelaburan dana menilai risiko kecairan dengan memilih aset sasaran dan menetapkan setiap komposisi dana. Pemilik polisi boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko kecairan dengan memilih dana yang mempunyai pendedahan yang lebih tinggi kepada tunai atau aset yang kerap didagangkan.
- 4 **Risiko Penumpuan** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh pendedahan berlebihan kepada aset atau pasaran tunggal atau serupa. Pengurus pelaburan dana menilai risiko penumpuan dengan memilih aset sasaran dan menetapkan setiap komposisi dana. Pemilik polisi boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko penumpuan dengan memilih dana yang memegang pelbagai aset, atau merangkumi pelbagai kelas aset, sektor pasaran, dan pihak berurusan.
- 5 **Risiko Mata Wang** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh pendedahan kepada aset yang diukur dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia dan pergerakan dalam kadar pertukaran mata wang asing kepada Ringgit Malaysia. Pengurus pelaburan dana tidak melindungi nilai atau mengurangkan risiko mata wang, justeru pulangan dalam denominasi Ringgit Malaysia mengenai dana itu akan mencerminkan pergerakan dalam nilai risiko berdenominasi mata wang asing, dan kadar pertukaran kepada Ringgit Malaysia. Pemilik polisi boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko mata wang asing dengan memilih dana yang dilaburkan dalam aset dalam denominasi Ringgit Malaysia.
- 6 **Risiko Operasi** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh kekurangan atau kegagalan proses, manusia dan sistem atau peristiwa luaran. Beberapa contoh insiden operasi termasuk:
 - penyelewengan pelaburan disebabkan oleh penipuan, tindakan menyalahi undang-undang, berniat jahat, iri hati, atau keganasan;
 - gangguan atau kegagalan sistem dan infrastruktur IT, yang mungkin digunakan untuk pemantauan, pelaksanaan, dan pentadbiran;
 - pengiraan tidak tepat kerana kualiti atau kesilapan data, kelemahan metodologi, atau salah pengiraan; dan
 - ketidakcekapan kawalan dalaman.

Pengurus pelaburan dana mengurangkan risiko dengan mengasingkan tugas dan fungsi individu, menetapkan pemulihan bencana dan proses kesinambungan perniagaan,melakukan pemeriksaan berkala bebas, dan melaksanakan pemilihan vendor pihak ketiga dan proses penilaian yang berterusan.

NOTA-NOTA PENTING

- 1 Helaian Fakta Dana ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak bertujuan, dan tidak seharusnya difafsirkan sebagai tawaran, cadangan atau permintaan untuk menyertai atau membeli suatu polisi insurans. Ia tidak dalam apa-apa cara atau perbuatan dihasratkan untuk menjadi atau harus dianggap sebagai memberi apa-apa bentuk nasihat kepada anda. Bakal pemilik polisi perlu melakukan penilaian mereka sendiri tentang kesesuaian polisi dan risiko-risiko dana, berbanding dengan keperluan mereka, dan perlu mengambil kira nasihat profesional.
- 2 Helaian Fakta Dana ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Ilustrasi Jualan dan Helaian Pendedahan Produk untuk polisi. Bakal pemilik polisi perlu memberi perhatian teliti terhadap manfaat polisi yang bergantung kepada prestasi dana.
- 3 Risiko-risiko yang didedahkan di atas bukanlah semua risiko yang mungkin berkaitan dengan bakal pemilik polisi tertentu. Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain dari semasa ke semasa.
- 4 Prestasi lepas bukan petunjuk prestasi masa hadapan. Prestasi dana adalah pulangan ke atas aset dana, bukan pulangan ke atas premium yang dibayar, kerana premium tertakluk kepada caj-caj sebelum melabur dalam dana, dan dana mungkin tertakluk kepada caj-caj, yang khusus bagi polisi insurans, dan perbezaan masa aliran tunai.
- 5 Prestasi dana terikat dengan prestasi aset yang dipegang oleh dana, dan seperti yang dinyatakan dalam helaian fakta dana ini.
- 6 Prestasi dikira berdasarkan NAB seunit pada permulaan dan akhir tempoh pengukuran, dikira sebagai:
Pulangan NAB = (Tempoh Akhir NAB seunit / Tempoh Mula NAB seunit) – 1
- 7 Prestasi tahunan dikira berdasarkan kaedah pulangan dikompaun.
- 8 Pengisytiharan pengagihan adalah atas budi bicara pengurus dana dan tidak dijamin.
- 9 Apabila pengagihan diisytiharkan, pelabur dinasihatkan bahawa setelah pengagihan, NAB seunit akan dilaraskan sewajarnya.
- 10 Maklumat lanjut mengenai penanda aras boleh didapati daripada Bursa Malaysia, Bank Negara Malaysia, Bloomberg dan Maybank di www.maybank.com.my